



PERKASA PERWIRA



KELUARAN KHAS LTAT

LTAT beri pulangan 12.5% bagi tahun 2017

SUMBANGAN warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam memperjuangkan kemerdekaan negara sememangnya sangat penting dan tidak kurang pentingnya perjuangan memelihara keamanan dan mempertahankan kemerdekaan.


Sehubungan itu, kebijakan warga ATM selayaknya diberi keutamaan agar benteng pertahanan negara terus utuh dan antara entiti yang memainkan peranan penting dalam memastikan kebijakan anggota dan veteran ATM ialah Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Sejak ditubuhkan 45 tahun lalu, LTAT telah merekodkan pulangan dividen dan bonus yang terbaik pada kadar purata 11.3 peratus setiap tahun.

Tahun lalu, LTAT mencatatkan pendapatan bersih sebanyak RM667.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, merupakan kenaikan 12.1 peratus berbanding tahun lepas yang berjumlah RM595 juta.

Selaras dengan pendapatan yang lebih baik, LTAT mengumumkan peningkatan dividen bagi tahun ini iaitu jumlah dividen dan bonus pada kadar 12.5

DIVIDEN & BONUS KHAS



TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER


- Jumlah keseluruhan (%)
- Bonus Khas Dalam Bentuk Unit Amanah Saham
- Dividen Yang Dikreditkan Dalam Akaun Pencarum

12.5%
dividen dan
bonus khas

Adalah lebih tinggi daripada kadar purata dividen dan bonus **11.3%** setiap tahun sejak penubuhan LTAT


PRESTASI KEWANGAN LTAT

JUMLAH
ASET
TAHUN
BERAKHIR
31 DISEMBER



Barisan Nasional akan terus merencana untuk membawa lebih banyak lagi perubahan dan transformasi kepada semua, sama ada anggota tentera, penjawat awam, mahupun rakyat biasa, tiada sesiapa pun akan ketinggalan!

DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri



Secara purata, kadar yang diisyitiharkan kali ini lebih tinggi berbanding purata kadar dividen dan bonus semenjak LTAT ditubuhkan iaitu sebanyak 11.3 peratus."

DATUK SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN
Menteri Pertahanan

Keperluan ATM keutamaan LTAT

BERPANDUKAN komitmennya terhadap anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), anak syarikat milik penuh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) selaku kontraktor utama Pangkalan Udara (PU) Sendayan telah selesai membangunkan pangkalan tersebut yang juga merupakan salah sebuah pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang terbesar.

Terletak kira-kira 12 kilometer dari Seremban, PU Sendayan merangkumi kawasan seluas 303.5 hektar dan menempatkan fasiliti ketenteraan terkini di samping 693 unit kediaman lengkap yang mampu menempatkan lebih 2,500 anggota dan keluarga serta dilengkapi kemudahan kompleks sukan, ekuestrian, kolam renang dan pusat Islam.

Dengan kepakaran LTAT, PPHM dan kerjasama Kementerian Pertahanan, LTAT berjaya menguruskan persediaan, pemindahan dan pembangunan PU Sendayan dengan lancar.

Dirasmikan oleh Perdana Menteri YAB Datuk Seri Najib Tun Razak pada 16 Mac lepas, PU Sendayan mencerminkan janji Kera-

jaan untuk menyediakan fasiliti terbaik untuk ahli ATM.

YAB Datuk Seri Najib berkata, pembinaan PU Sendayan membawa pembangunan dan transformasi dalam tiga aspek, iaitu:

1 Membawa pembangunan menyeluruh kepada kawasan Sendayan, dari kawasan Felda penuh dengan ladang kelapa sawit menjadi bandar satelit kepada Kuala Lumpur dan Lembah Klang.

2 Transformasi kepada TUDM - bukti kerajaan menghargai jasa dan pengorbanan anggota tentera.

3 Transformasi PU Kuala Lumpur di Sungai Besi menjadi Bandar Malaysia, sebuah projek ikonik.

YAB Datuk Seri Najib berkata, pihak pembangkang pernah menyebarkan cerita palsu kononnya anggota TUDM akan dihalau dari kem PU Kuala Lumpur di Sungai Besi tetapi hakikatnya, mereka dipindahkan kepada beberapa kem, termasuk PU Sendayan yang baru dan lebih canggih serta selesa.



PERDANA MENTERI, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK diiringi Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (dua dari kiri); Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan (tiga dari kiri); Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor (kiri) dan Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Affendi Buang (kanan) dalam majlis Perasmian Pangkalan Udara Sendayan di Sendayan, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

PANGKALAN UDARA SENDAYAN dilengkapi dengan kemudahan latihan dan kemudahan asas yang canggih, moden dan selesa.

Dividen LTAT: Warga ATM terima durian runtuh

PENGUMUMAN dividen dan bonus oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) pada kadar 12.5 peratus untuk 2017 sebagai bukti kerajaan sememangnya komited dalam membela nasib warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan bukan sekadar cakap kosong.

Rata-rata anggota ATM yang ditemui melahirkan kesyukuran dengan pengumuman tersebut yang disifatkan sebagai durian runtuh.

Korporal Gurdeesh Singh berkata, pengumuman itu dianggapnya sebagai dorongan moral buat warga ATM.

“Saya memang berterima kasih dan bersyukur. Mungkin ada orang yang kata kerajaan cuma cakap kosong saja tapi



GURDEESH SINGH



AZLAN ARSHAD



MOHD. KHAIRUL CHE AZIZ



MISNAH UPE LAUMMA

hari ini saya ada bawakan bukti (sambil menunjukkan penyata caruman LTAT).

Nanti setelah bersara, inilah (caruman) yang kami harapkan. Saya baru 10 tahun mencarum

tetapi jumlah kutipan boleh dikatakan agak banyak. Saya percaya, sejak mula bekerja sehingga selepas bersara pun, kebijakan warga ATM pasti terjamin,” katanya.

Pada 22 Mac lalu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengumumkan yang LTAT akan mengreditkan dividen dan bonus tersebut ke dalam akaun pen-

carum mulai 23 Mac.

Kadar yang diisyitiharkan itu adalah lebih tinggi berbanding purata kadar dividen dan bonus sejak LTAT ditubuhkan pada 1972 iaitu sebanyak 11.3 peratus.

Mengulas khabar-khabar kurang enak bahawa pemberian itu hanyalah gula-gula sempena Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14). Sarjan Udara Azlan Arshad menafikan diaukan tidak berasas tersebut.

“Biasalah tu, sesetengah orang akan bangkang apa sahaja walau-pun perkara-perkara yang baik. Yang penting warga ATM seronok dan bangga dengan pengumuman ini, dan semoga pada tahun-tahun akan datang juga kita akan dapat menikmati dividen dan bonus seperti ini atau lebih tinggi lagi,” katanya.

Bagi Bintara Muda Mohd. Khairul Che Aziz pula, dia menganggap berita itu sebagai dorongan kepada seluruh warga ATM untuk bekerja dengan lebih gigih lagi.

“Ada kakitangan awam LTAT sendiri pun bermimat hendak carum di bawah LTAT, tetapi LTAT hanya khusus untuk pegawai dan anggota tentera sahaja. Saya rasa bertuah berada sebagaimana anggota tentera,” katanya.

Korporal Misnah Upe Lauma-ma pula mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan kerajaan yang tidak pernah lupa membela kebijakan warga ATM.

“Saya tak pernah terfikir dapat menikmati dividen setinggi ini. Bagi saya, anggap berita ini ibarat durian runtuh,” katanya.



Skim Biasiswa Yayasan LTAT dorong kecemerlangan pelajaran

Oleh BADRUL HAFIZAN MAT ISA

HASRAT mahu meringankan beban keluarga telah menjadi pendorong kepada Siti Rabiatul 'Adawiyah Rozi, 17 untuk mengkalkan konsistensi pelajarannya sekali gus berpeluang untuk terus menerima biasiswa daripada pihak Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Menurut pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Setiawangsa, di sini itu, biasiswa Yayasan LTAT yang diterima sejak dari tingkatan satu banyak digunakan untuk tujuan membeli buku ulangkaji tambahan serta alat tulis.

"Ayah memberi nasihat supaya kekalkan kecemerlangan dalam pelajaran supaya dapat memohon biasiswa daripada Yayasan LTAT.

"Alhamdulillah, keputusan memberangsangkan sekawtu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dapat saya teruskan sekawtu peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Keputusan itu membolehkan saya untuk kekal memper-

oleh bantuan biasiswa Yayasan LTAT sehingga kini," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sementara itu, menurut bapanya, Rozi Zakaria yang merupakan pesara ATM, Skim Biasiswa Yayasan LTAT sedikit sebanyak telah membantu dalam meringankan beban keluarganya.

"Sebaik sahaja mengetahui LTAT ada menawarkan skim biasiswa, saya terus memohon lebih-lebih lagi keputusan UPSR Siti Rabiatul 'Adawiyah pada masa itu melepas syarat yang diperlukan. Alhamdulillah, biasiswa tersebut masih lagi diterima anak saya sehingga kini," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penerima, Muhammad Anas Mohd. Jefrie, 19, pula berkata, dia ternyata bersyukur dan gembira kerana pelajarannya selama ini banyak



SITI RABIATUL 'ADAWIYAH



MUHAMMAD ANAS

dibantu menerusi Skim Biasiswa Yayasan LTAT.

"Sewaktu mula mendapat biasiswa ini saya hanya simpan sahaja dahulu dan mula menggunakan apabila benar-benar memerlukan, termasuk untuk membeli buku rujukan tambahan.

"Rasa sangat bertuah kerana bukan semua pelajar berpeluang menerima biasiswa ini. Lebih manis hasil bantuan tersebut telah membawa saya melanjutkan pengajian sehingga ke universiti," katanya yang kini menyambung pelajaran dalam bidang Diploma Kewangan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu, Terengganu.

Bapanya, Mohd. Jefrie Adnan, 48 pula berkata, dia sentiasa menggalakkan anak-anaknya termasuk Muhammad Anas untuk terus menumpukan perhatian kepada pelajaran.



- Bantuan kewangan untuk anak-anak anggota ATM dan veteran.
- Perlu dapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan utama.
- Mendapat tempat di IPTA.
- Pemohon perlu hantar Laporan Akademik setiap akhir tahun.



KELUARGA Rozi Zakaria bersama anaknya Siti Rabiatul 'Adawiyah.



KELUARGA Mohd. Jefrie Adnan anaknya Muhammad Anas.

Pelajar IPTA tidak ketinggalan dapat manfaat

Oleh ZUHAYATI YAZID



SETIAP bulan saya menerima bantuan perbelanjaan sebanyak RM450 dan RM150 untuk kegunaan membeli buku dan peralatan pengajian."

MOHD ISMAIL DZULKARNAIN
Penerima biasiswa



PELAJAR Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Mohd. Ismail Dzulkarnain dan Siti Nur Rifian Mohd. Nawawi yang mendapat tajaan oleh Yayasan LTAT.

Setiap bulan mereka yang terpilih adalah pelajar cemerlang dan memperoleh keputusan purata nilai gred kumulatif (CGPA) 3.0 ke atas pada setiap semester serta berjaya menduduki temuduga yang dijalankan oleh pihak UIAM," katanya dalam wawancara khas bersama penerima biasiswa Yayasan LTAT-IIUM UMMATIC Scholarship di kampus UIA Gombak, dekat sini baru-baru ini.

Buat masa ini seramai 18 mahasiswa yang terpilih menerima biasiswa sepenuhnya daripada Yayasan LTAT-IIUM UMMATIC Scholarship daripada 200 permohonan.

Sementara itu, seorang penerima biasiswa, Mohd Ismail Dzulkarnain, 22, berkata dia sangat bersyukur selepas terpilih untuk menerima biasiswa daripada Yayasan LTAT.

Pelajar tahun dua jurusan Sarjana Muda Al-Quran dan Sunnah di Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan itu berkata, selepas mengetahui namanya terpilih dia terus menghubungi kedua orang tuanya untuk berkongsi berita gembira itu yang juga merupakan bekas anggota tentera yang pernah berkhidmat di Kem Terendak, Melaka.

"Ini merupakan tahun kedua Yayasan LTAT menaja pelajar cemerlang terdiri daripada anak-anak anggota ATM dan veteran dengan tujuan mengurangkan beban perbelanjaan dengan menanggung keseluruhan pengajian anak-anak anggota ATM dan mereka yang mempunyai keputusan cemerlang di menara gading itu.

Akui Mohd. Ismail, dia terpak-

sa mengagihkan wang biasiswa yang diterima buat pertama kali itu supaya tidak tersalah guna dan membuat perancangan supaya duit berkenaan dapat digunakan sebaik mungkin.

"Setiap bulan saya menerima bantuan perbelanjaan sebanyak RM450 dan RM150 untuk kegunaan membeli buku dan peralatan pengajian selain yuran pengajian," ujarnya pelajar cemerlang yang berjaya mengkalkan keputusan CGPA 3.7 setiap semester.

Anak keempat daripada lima beradik itu juga turut bertekad untuk mengkalkan keputusan CGPA melebihi 3.0 pada setiap semester sebagai syarat utama pemegang biasiswa.

Manakala bagi mahasiswa Sarjana Muda Psikologi, Siti Nur Rifian Mohd. Nawawi, 23, dia tidak menduga dia ingin meringankan beban orang tua yang hanya menjadi penoreh getah sebagai punca pendapatan utama selepas pencerap daripada

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) KUMPULAN LTAT

DI CELAH-CELAH KEHIDUPAN BHYPETROL

BHPetrol dengan kerjasama RTM dan Affin Bank membantu kepada yang memerlukan



Rahim Mahmood, 52

- Bekas tentera tidak berpencen
- Berkhidmat 13 tahun di TLDM
- Kedua-dua kaki dipotong kerana masalah kesihatan
- Pendapatan dari upah menjahit oleh anak dan menantu sebagai pengawal keselamatan
- Tinggal di Kampung Batu 2, Selama, Perak

BANTUAN BANJIR AFFINBANK 2017



- Pada 10 November 2017, AFFINBANK mengadakan majlis penyerahan sumbangan kepada mangsa banjir di Kampung Sungai Dua, Seberang Prai, Pulau Pinang semasa Pulau Pinang menghadapi krisis banjir yang paling teruk.
- AFFINBANK telah mengagihkan peralatan pembersihan dan makanan asasi bernilai RM150 kepada 120 keluarga dan jumlah keseluruhan bernilai RM18,000.

SKUAD OPERASI SIHAT NEGARAKU TN50

anjuran bersama anak syarikat Boustead Holdings Berhad (Pharmaniaga Bhd & Boustead Petroleum Marketing Sdn. Bhd.)



- Pemeriksaan kesihatan percuma di stesen BHPetrol terpilih pada setiap bulan
- Pemeriksaan Indeks Jisim Badan, Tekanan Darah dan Kadar Gula dalam Darah
- Program bertujuan memberi kesedaran kepada rakyat mengenai penjagaan kesihatan diri

BANTUAN PENDIDIKAN BOUSTEAD PLANTATIONS BERHAD



- Sumbangan RM120,000 untuk program Back to School 2017
- Program diterajui Barisan Nasional Backbenchers (BNBBC)
- Sumbangan untuk Parlimen Kanowit, Baram (Sarawak) dan Parlimen Beluran (Sabah)
- 600 murid terima bantuan RM200 setiap orang

BANTUAN BANJIR PHARMANIAGA 2017



SUMBANGAN: Barang perubatan dan vitamin, pengangkutan, peralatan membersih kesan banjir dan menyumbang pusat bantuan

KAWASAN: Sungai Dua, Kampung Dodol, Georgetown, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Lubuk Meriam, Tasik Gelugor, Kampung Tok Sani Butterworth, Kampung Nyioq Sebatang, Kampung Air Hitam dan Kubang Pasu, Kedah



BANGUNAN Asrama sumbangan oleh LTAT di UIAM Gombak.





PERKASA PERWIRA



MENTERI Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein bersama Menteri Sumber Manusia, Datuk Sri Richard Riot Anak Jaem merasmikan Majlis Pelancaran dan Menandatangani Memorandum Perjanjian Program RPEL untuk Veteran ATM di Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Kuala Lumpur.

Buka peluang pelatih PERHEBAT jana pendapatan

INISIATIF diambil Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) menawarkan pelbagai kursus kemahiran dan latihan kepada bakal pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sejak tahun 1994, telah memberikan impak besar terhadap kehidupan setiap anggota.

Kepelbagaian kursus dan latihan ditawarkan bukan sahaja membantu pelatih memperlengkapkan diri dengan ilmu kemahiran yang diperlukan oleh majikan serta industri, malah usaha tersebut turut berjaya membuka peluang kepada pesara tentera menjana pendapatan lumayan setelah berakhiriinya tempoh perkhidmatan di dalam ATM.

Pegawai Waran II Komando, Pusat Latihan Peperangan Khuras (PULPAK), **D. Kalaichelvan**, 44, berkata, latihan dan kursus kemahiran ditawarkan PERHEBAT membuka peluang untuknya menimba ilmu dan pengalaman berharga sebelum memulakan kehidupan baharu sebagai orang awam.

Beliau berkata, Kursus Jurur kerja Paip yang diikuti selama 18 bulan ternyata memberikan man-



faat besar kepada pelatih untuk mendalamai selok-belok dan skop kerja selenggaran paip yang mempunyai permintaan tinggi dalam industri.

"Setelah hampir 26 tahun berkhidmat dalam angkatan tentera, inilah kursus luar bidang ketenteraan yang pertama kali saya ikuti dan ternyata pilihan dibuat tepat kerana aspek kerja-kerja paip serta pendapatan yang boleh diraih amat memuaskan," katanya ketika ditemui di Bengkel Jurukerja Paip di Kompleks PERHEBAT, Kem Sungai Buloh baru-baru ini.

Sementara itu, **Mohd. Shukri Hamid**, 33, berkata, peluang latihan kemahiran yang disediakan PERHEBAT kepada bakal pesara tentera terbukti menghasilkan manfaat berganda untuk menjana pendapatan.

Menurutnya yang berkhidmat selama 12 tahun bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dalam Kor Persenjataan (Gunner), latihan selama enam bulan diikutinya dalam Kursus Usahawan Bengkel Kimpalan mulai Julai hingga Disember 2017 telah membuka peluang baharu untuknya



D. KALAICELVAN **MOHD. SHUKRI**

ZURINA **YUSEARINIE**

menceburi bidang kontraktor perkhidmatan.

"Saya amat bersyukur hasil daripada latihan kemahiran diikuti, saya kini sudah mampu menyediakan perkhidmatan kim-palan, pemasangan jerji dan pintu pagar kepada pelanggan perseorangan mahupun syarikat-syarikat pemaju pembinaan," ujarnya yang kini merupakan antara pelatih yang memegang sijil 3G (Sijil Tauliah Kimpalan).

SEMENTARA ITU, Pegawai Tidak Tauliah Kedua (PTTK) Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), **Zurina Musa** berkata, Kursus Foto Media yang diikuti selama enam bulan telah membantunya daripada aspek persediaan dan ilmu perniagaan berkaitan perkhidmatan fotografi.

Menurutnya, tunjuk ajar dan peluang mengikuti latihan sam-bil kerja (LSK) dikendalikan

PERHEBAT amat bermanfaat khususnya bagi memulakan perniagaan perkhidmatan fotografi dan kelengkapan peralatan yang diperlukan sebelum layak menjalankan perniagaan tersebut.

Sementara itu, Ketua Kerani (Pentadbiran) Kem Mahkota Klung, Johor, **Yusearinie Ahmad**, 41, pula berkata, peluang mengikuti Kursus Usahawan Pereka Grafik peringkat sijil yang diikutinya membantu mempersiapkan diri menceburi perniagaan sendiri.

Menurutnya yang telah berkhidmat selama 21 tahun, kursus selama enam bulan itu memberinya banyak tunjuk ajar dan selok-belok dalam perniagaan.

"Saya memilih kursus ini kerana merancang menguruskan perniagaan perkhidmatan rekaan grafik dan tempahan cetakan yang telah pun dimulakan bersama suami di Taiping, Perak.

BANTUAN BAKTI NEGARA OLEH KERAJAAN UNTUK VETERAN YANG TIDAK BERPENCEN

KRITERIA KELAYAKAN PENERIMA BBN



Tarikh tamat tempoh perkhidmatan sebelum 1 November 2017

- Veteran ATM - Warganegara Malaysia yang berkhidmat sepenuh masa, tidak pernah diberhentikan
 - Angkatan Tetap ATM
 - Angkatan Sukarela sepenuh masa ATM
 - Force 136
 - Tentera British berkhidmat di Malaya/Malaysia atau Singapura
 - Sarawak Rangers

Tidak menerima sebarang pencen

Bermastautin di Malaysia

Veteran dengan jumlah pendapatan isi rumah bulanan RM4,000 dan ke bawah (atau penerima BR1M)

RM1,200

Veteran berumur 60 tahun dan ke atas layak memohon walaupun pendapatan isi rumah melebihi RM4,000

RM600

Inisiatif PERHEBAT beri manfaat

PELBAGAI cabang latihan dan kursus kemahiran disediakan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) kepada bakal pesara terbukti berjaya membantu golongan berkenaan meraih pendapatan serta menempatkan diri dalam kerjaya.

Seorang pelatih, **Roslan Saat**, 43, berkata, inisiatif diambil PERHEBAT memberi manfaat besar kepada golongan seperti yang mendapat tunjuk ajar dan menimba pengalaman berharga sebelum menceburi alam pekerjaan setelah bergelar orang awam.

"Saya bersama dua rakan kongsi, berterima kasih atas bantuan dan peluang diberi membolehkan kami berdiri seterusnya meraih pendapatan tambahan," katanya yang di temui di Kompleks PERHEBAT, Kem Sungai Buloh, baru-baru ini.



ROSLAN SAAT

ZULKIFLI HASIM

Zulkifli bersama dua rakan, Abdul Rahman Jamal, 43, dan Mohd Shaharuddin Undar, 44, kini boleh menghembus nafas lega apabila berjaya meraih tender mengusahakan kantin Sekolah Kebangsaan Seri Bunos, Jalan Air Keroh, Setapak, sebagai permulaaan menceburi bidang keusahawanan.

Dalam pada itu, Abdul Rahman, Pegawai Waran II (Bahagian Inspektorat) Tentera Darat berkhidmat 24 tahun sejak Oktober

ber 1994 dan Mohd. Shaharuddin, Koperal (Logistik) Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) sependapat, inisiatif dilaksana PERHEBAT bukan sahaja membuka peluang kepada bakal pesara, malah membolehkan anggota memilih cabang kerjaya selepas menamatkan perkhidmatan.

Sementara itu, **Zulkifli Hasim**, 43, yang berkhidmat sebagai Cef Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) selama 22 tahun berjaya, kursus kemahiran dikendalikan oleh PERHEBAT secara langsung telah membuka ruang untuknya merealisasikan cita-cita.

"Kursus Pastri diikuti selama enam bulan memberi nilai tambah untuk saya sebelum menceburi perniagaan sebagai pengusaha Kafe yang menyediakan menu Western dan Cake di kampung setelah bersara," katanya.

Maklumat lanjut i-Wira, sila layari laman sesawang LTAT di alamat: www.ltat.org.my

i-Wira PERMUDAH URUSAN PENCARUM

Mulai 2 Mei 2017, LTAT memperkenalkan Sistem Semakan Atas Talian i-Wira untuk perkhidmatan seperti berikut:

- Menyemak penyata caruman LTAT tahun semasa dan tahun sebelumnya
- Menyemak maklumat penamaan waris
- Menyemak Dana Unit Amanah Affin Hwang
- Menyemak sejarah pengeluaran caruman
- Membuat aduan, pertanyaan dan cadangan
- Pencarum yang ingin mengaktifkan Sistem Semakan Atas Talian hendaklah membuat pendaftaran terlebih dahulu di ruangan Pendafataran i-Wira.

Maklumat lanjut i-Wira, sila layari laman sesawang LTAT di alamat: www.ltat.org.my

Skim Faedah Kematian LTAT ringan beban

WANG yang diterima melalui Skim Faedah Kematian Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) memang tidak dapat menggantikan nyawa insan tersayang, namun sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban ahli keluarga yang masih ada.

Itu merupakan luahan penerima caruman Skim Faedah Kematian LTAT, Hussin Muhamad, 53, selepas anak lelaki kesayangannya, Allahyarham Yahya Hussin meninggal dunia akibat jangkitan kencing tikus atau leptospirosis.

Menurut Hussin, dia dan isteri, Salmah Mokhtar, 50, menerima Skim Faedah Kematian pada tahun lalu dan wang berkenaan digunakan untuk menampung yuran pengajian empat lagi anaknya yang masih belajar termasuk dua di institut pengajian tinggi

(IPT).

Yahya sebelum ini bertugas di Kem Muara Tuang, Kuching, Sarawak sebelum dijangkiti penyakit yang membawa maut itu.

Hussin berkata, Allahyarham Yahya Hussin meninggal dunia akibat jangkitan kencing tikus atau leptospirosis.

Sementara itu, seorang ibu tunggal kini boleh menarik nafas lega apabila menerima wang daripada skim yang sama selepas kematian suaminya, Ogos tahun lalu.

Rusmawati Hassan, 39, kehilangan suami tercinta Koperal Adiley Abdullah, 39, akibat masalah serangan jantung.

Ibu kepada seorang cahaya mata itu menjelaskan, dia terkejut apabila dimaklumkan mengenai wang yang bakal diterimanya melalui Skim Faedah Kematian dan menganggapnya

sebagai rezeki apabila menghadapi masalah kewangan selepas kematian suami.

Jelas Rusmawati, suaminya mula berkhidmat dengan ATM pada tahun 2001 dan bertugas di Bata-

lion 93 Rejimen Sembilan Diraja (RSD) dekat Kem Kementah.

"Sepanjang hayatnya arwah tidak pernah memaklumkan kepada saya mengenai skim itu," katanya.



HUSSIN MUHAMAD dan isterinya, **Salmah Mokhtar**.



RUSMAWATI HASAN

SARJAN CYRIL ANAK LANGIN (B)

Pengarah Urusan Raymon Langin & Son Farm Serian, Sarawak

- VETERAN tentera kelahiran Serian, Sarawak ini merupakan peserta Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran Tentera (PPSEV) dan Latihan Peralihan (pertanian) oleh PERHEBAT.
- Memiliki syarikat Raymon Langin & Son Farm
- Tanah seluas 60 hektar di Kampung Bunan Gega, Serian.
- Mengusahakan tanaman koko dan kelapa sawit.
- Koko di pasar di dalam dan luar negara, termasuk Amerika Syarikat dan Kanada.
- Meraih pendapatan bulanan sekitar **RM20,000**.



KOPERAL MOHANAN A/L K. PERUMAL (B)

Pengurus Vithyas Store & Trading Johor Bharu, Johor

- Penerima Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran Tentera (SPMUV) PERHEBAT.
- Pernah berkhidmat sebagai anggota Tentera Darat.
- Menjual barang sembahyang, aksesori dan pakaian tradisional India sejak 1999.
- Dapat bantuan skim SPMUV PERHEBAT bernilai RM20,000.
- Meluaskan pasaran sehingga ke Singapura dan sekitar negeri Johor.
- Jualan syarikat cecah **RM10,000** sebulan.



PREBET ABD AZIZ AHMAD (B)

Pengurus Besar, Triple A Tyres & Auto Services Seberang Takir, Terengganu

- Penerima Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran Tentera (SPMUV) PERHEBAT.
- Perniagaan pembekal utama rim dan tayar kereta.
- Terima bantuan skim SPMUV PERHEBAT RM50,000.
- Peserta Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran Tentera (PPSEV) PERHEBAT.
- Catat jualan bulanan melebihi **RM 150,000**.
- Jualan turut dipacu oleh pasaran online.



info

Inisiatif RPEL PERHEBAT

SEJAK dilancarkan pada 2 Februari 2017, 845 bakal pesara dan veteran ATM telah dianugerahkan Diploma Kemahiran Malaysia di bawah program Pengiktirafan Pencapaian Pengalaman Terdahulu (RPEL).

RPEL merupakan inisiatif Strategi Laut Biru Kebangsaan (NBOS) antara Kementerian Pertahanan (PERHEBAT) dan Kementerian Sumber Manusia (Pembangunan Sumber Manusia Berhad) dalam usaha melahirkan lebih ramai tenaga mahir tempatan.

Bagi tahun 2017, sambutan golongan sasar terhadap program RPEL amat memberangsangkan dengan jumlah calon berdaftar seramai 1,087 (bakal pesara dan veteran ATM). Angka itu melebihi sasaran awal PERHEBAT iaitu seramai 1,000 calon.

Pecahan calon mengikut kategori

911 orang Bakal pesara + **176 orang** Veteran

Pecahan calon mengikut perkhidmatan

136 orang Tentera Darat Malaysia + **342 orang** Tentera Laut Diraja Malaysia + **433 orang** Tentera Udara Diraja Malaysia

RPEL

PROGRAM pensijilan (setaraf diploma) yang mengiktiraf kemahiran, pengalaman dan keterampilan veteran ATM dengan pensijilan tahap 4 Sijil Kemahiran Malaysia, Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Bakal pesara dan Veteran ATM dalam kelompok berpendapatan B40 kini berpeluang meningkatkan taraf sosioekonomi serta pendidikan dengan menyertai RPEL.

RPEL dilancarkan pada 2 Februari 2017 oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Sri Richard Riot Anak Jaem.



PERKASA PERWIRA



PERNAMA turut memperkenalkan kad E-Dagang untuk kesetiaan pelanggan iaitu kad Care For Partner Satisfaction (Capasa) yang dilancarkan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein pada 19 Disember lepas.

Transformasi PERNAMA disambut baik warga ATM

Oleh MUHAMAD IZZAT NASURUDEN

PERWIRA Niaga Malaysia (PERNAMA), perbadanan milik LTAT, melalui kempen penjualan produk harga 'PRIHATIN' menawarkan barang atas keperluan rumah yang dijual di bawah harga pasaran kepada warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan veteran ATM. Inisiatif ini bertujuan membantu warga ATM dan veteran menangani cabaran kenaikan harga barang dan kos sara hidup.

Selain daripada itu, PERNAMA turut memperkenalkan produk cakna. Menerusi inisiatif tersebut, PERNAMA melaksanakan penuh runutan harga produk keperluan harian sebanyak 17 kategori sehingga 45% peratus merangkumi 133 barang bermula 1 Disember tahun lepas.

Inisiatif lain yang diperkenalkan PERNAMA ialah menjual pakaian persekolahan berjenama PERNAMA untuk semua kategori dengan harga RM68 sepasang berbanding harga RM100 di pasaran biasa.

Sempena musim persekolahan tahun ini, PERNAMA juga mewarkan tawaran istimewa iaitu 'Beli sepasang, percuma sepasang' baju sekolah buat warga ATM yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah.

Langkah itu adalah satu dari pada sembilan inisiatif Pelan Transformasi PERNAMA (PTP27) yang bertujuan membawa perubahan secara menyeluruh dan inklusif bagi membawa PERNAMA dan warga ATM ke tahap yang lebih tinggi dari pencapaian sebelumnya.

Selain itu, PERNAMA turut memperkenalkan kad E-Dagang untuk kesetiaan pelanggan iaitu kad Care For Partner Satisfaction (Capasa) yang dilancarkan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein pada 19 Disember lepas.

Kad tersebut adalah eksklusif untuk warga ATM dan mempunyai kelebihan tersendiri seperti pembelian dihujung jari pada harga yang berpatutan, kemudahan



MOHD. NASOHA MOHAMED AZIZ MUHAMMAD FARHAN AHMAD

dahan eWallet, jana pendapatan secara mudah serta ganjaran berbentuk tunai dan hadiah.

Menurut seorang daripada warga ATM, **Koperal Udara Mohd. Nasoха Mohamed Aziz**, inisiatif yang dilakukan kerajaan untuk membantu perjurut negara memberi kelegaan kepada mereka selain membantu meringankan beban ekonomi masing-masing.

Katanya, harga barang yang dijual di PERNAMA juga lebih murah berbanding dengan harga barang di pasaran.

"Saya selalu membeli susu anak dan barang keperluan asas di

PERNAMA kerana harganya jauh lebih murah berbanding dengan harga di pasar raya besar.

"PERNAMA juga turut menyediakan kemudahan untuk memperbaharui lesen kenderaan dan cukai jalan buat warga ATM dan ia banyak membantu kami semua dari segi masa untuk melakukan urusan tersebut," katanya.

Sementara itu, **Laskar Udara Kanan, Muhammad Farhan Ahmad** berkata, kepelbagaiannya produk yang dijual di PERNAMA memudahkan warga ATM untuk membeli barang keperluan tanpa perlu pergi ke pasar besar yang terletak jauh dari kawasan kediaman mereka.

Katanya, selain barang dapur, PERNAMA juga mempunyai pelbagai barang elektronik seperti telefon pintar dan komputer riba untuk warga veteran ATM.

"Saya berharap transformasi PERNAMA ini mampu memberi manfaat kepada warga ATM dan juga veteran ATM," katanya.

Ahli kad CAPASA adalah EKSKLUSIF untuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan veteran SAHAJA.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.capasa.com.my

info



PELAN TRANSFORMASI PERWIRA NIAGA MALAYSIA (PERNAMA)

PELAN TRANSFORMASI 2017 - 2027

» Pelan Transformasi PERNAMA (PTP27) bermaksud perubahan secara menyeluruh dan inklusif bagi membawa PERNAMA dan warga ATM serta veteran ke tahap yang lebih tinggi dengan keutamaan kepada kesejahteraan warga ATM, keluarga serta veteran ATM.

» Dilancarkan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein di Pangkalan TLDM Lumut pada 19 Disember 2017.

TIGA TERAS UTAMA

- Bantu warga dan veteran ATM menangani cabaran kos sara hidup.
- Kembalikan semula imej PERNAMA yang boleh dibanggakan.
- Tingkatkan sistem pengurusan dan perkhidmatan peruncitan melalui teknologi E-Dagang.

OBJEKTIF

- Jadi pilihan utama peruncitan barang keperluan harian warga dan veteran ATM.
- Kurangkan beban pengurusan kewangan warga dan veteran ATM, tingkat kualiti kehidupan mereka.
- Membolehkan pelanggan berbelanja melalui atas talian serta mengembangkan pasaran PERNAMA.
- Mendongong Hala Tuju KEMENTAH di bawah inisiatif Teras Kebajikan Kementerian Pertahanan.

INISIATIF PERNAMA

(Dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun)

- » Turunkan harga produk keperluan harian sebanyak 17 kategori sehingga 45 peratus berbanding harga pasaran. Merangkumi 133 barang. Produk dinamakan PRODUK HARGA CAKNA, dilaksanakan mulai 1 Disember 2017.
- » Tawar pakaian persekolahan jenama PERNAMA dengan penurunan harga 45 peratus.
- » Tambah kategori barang HARGA PRIHATIN daripada 26 kategori (202 barang) kepada 50 kategori (500 barang).
- » Menawarkan barang segar seperti sayur, ikan, daging dan buah-buahan pada harga berpatutan.
- » Mengembangkan rangkaian barang berjenama PERNAMA.
- » Membina E-Market Place bagi menggalakkan belian atas talian.
- » Naik taraf premis-premis perniagaan PERNAMA. Kira-kira 70 peratus telah dinaik taraf dan selebihnya dalam proses naik taraf.
- » Jalin pakatan strategik dengan pengeluar jenama-jenama antarabangsa seperti Adidas, Nike dan lain-lain.
- » Tingkat pengiklanan tentang perkhidmatan PERNAMA melalui media sosial seperti facebook dan lain-lain.

PROSPEK MASA DEPAN

- » Untuk terus memberi perkhidmatan bermutu dan cemerlang kepada anggota ATM dan veteran serta keluarga.
- » Perbelanjaan peruntukan modal bagi meningkatkan prasarana.
- » Membekal lebih banyak barang dan perkhidmatan pada harga berpatutan.
- » Mengelak pertautan akrab antara anggota tentera veteran dan PERNAMA.

KOMITMEN

- » Terus komited beri khidmat terbaik dan cemerlang kepada seluruh warga ATM dan veteran ATM. Kepelbagaian dan pilihan barang pada harga yang rendah dan berpatutan.
- » Sediakan prasarana dan perkhidmatan seperti anjung selera, kedai keluarga dan kedai khidmat (salon rambut, kedai jahit dan lain-lain).

E-DAGANG PERNAMA

- » PERNAMA memperkenalkan kad kesetiaan pelanggan atau lebih dikenali sebagai kad Care For Partner Satisfaction atau ringkasnya CAPASA yang telah dilancarkan pada 19 Disember 2017.



KOMPLEKS WISMA BINTARA YANG SEDANG DIBINA OLEH KUMPULAN LTAT.



Kompleks Wisma Bintara baharu kebanggaan warga ATM



LTAT dan syarikat kumpulan melalui Perbadanan Perwira Harta (PPHM), sedang melaksanakan projek pembangunan Kompleks Wisma Bintara. Kompleks Wisma Bintara di Jalan Padang Tembak ini mampu meningkatkan semangat dan motivasi kepada anggota tentera dalam menjaga kedaunatan negara.

Bagi **Staf Sarjan Mokhtar Kipli** berkata, dia sangat gembira dan bersyukur dengan pembinaan kompleks tersebut yang memberi pelbagai kemudahan serta keselesaan kepada anggota dengan kedudukannya yang terletak di dalam kawasan bandar.

Selain itu katanya, pembinaan kompleks itu juga dapat membantu anggota tentera dalam peningkatan kualiti hidup seiring dengan teras kebajikan Kementerian Pertahanan.

"Alhamdulillah saya sangat gembira kerana disediakan penginapan terbaik dengan kemudahan lengkap."

"Ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak memandang mudah dalam menjaga kebajikan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM)," katanya ketika ditemui pemberita baru-baru ini.

Pembinaan kompleks itu me-



MOKHTAR KIPLI



NOR ZURAH ZAINAL



AMRAN MD. DIRIS

masa dan penjimatan kos.

Turut berkongsi kegembiraan **Bintara Kanan Amran Md. Diris** yang menyifatkan pembinaan kompleks tersebut memberi 'kelegaan' kepada anggota yang perlu berjauhan dengan keluarga.

"Sekurang-kurangnya moral mereka tertutama yang berjauhan dengan keluarga secara tidak langsung meningkat dan dapat memberi fokus sepenuhnya kepada tanggungjawab masing-masing," ujarnya.

Tambah Nor Zurah, kedudukan kompleks tersebut yang terletak berdekatan dengan tempat kerja memberi kelebihan kepada anggota terutama daripada segi

pangkat Sarjan dalam Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menambah, usaha berkenaan turut diterima baik oleh para penyeua yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

"Sayu merupakan antara penduduk terawal di mana saya berpindah sekitar tahun 2011.

Kunci utama kerukunan di sini adalah kami sentiasa peka dan mengambil tahu apa yang berlaku di kawasan sekitar.

Dalam pada itu, seorang lagi penduduk, **Mohamed Sharif Om**, 49, berkata, beliau amat berterima kasih di atas harga RM42,000 untuk seunit yang ditawarkan LTAT bagi projek Parsel 1A dan 1B.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-

kan adalah untuk keharmonian bersama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Tiga lagi projek perumahan Taman LTAT baharu dijangka akan siap pada tahun hadapan berjumlah 2,988 unit kesemuanya dan dijual dengan harga di antara RM199,750 hingga RM293,000.

Dalam pada itu, seorang lagi penduduk, **Mohamed Sharif Om**, 49, berkata, beliau amat berterima kasih di atas harga RM42,000 untuk seunit yang ditawarkan LTAT bagi projek Parsel 1A dan 1B.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-

kan adalah untuk keharmonian bersama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-

kan adalah untuk keharmonian bersama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-

kan adalah untuk keharmonian bersama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-

kan adalah untuk keharmonian bersama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-

kan adalah untuk keharmonian bersama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-

kan adalah untuk keharmonian bersama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-

kan adalah untuk keharmonian bersama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-

kan adalah untuk keharmonian bersama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-

kan adalah untuk keharmonian bersama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-

kan adalah untuk keharmonian bersama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-

kan adalah untuk keharmonian bersama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-

kan adalah untuk keharmonian bersama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

"Walaupun ada penyeua yang bukan warga ATM atau veteran ATM, Alhamdulillah mereka dapat menerima kami kerana apa yang cuba kita terap-